

NAMA:

KELAS:

KARANGAN RESPONS TERBUKA:FAEDAH BELAJAR KUMPULAN.
(Dapatkan skor yang baik, seterusnya salin semula karangan penuh dalam buku karangan)

Arahan : Tarik jawapan di bawah setiap perenggan dan letakkan pada ruangan kosong yang sesuai.

Pada zaman yang penuh persaingan ini, para pelajar sentiasa berusaha melengkapkan diri dengan pelbagai kemahiran dan ilmu demi mencapai _____ cemerlang dalam bidang akademik. Menetapkan matlamat, menyediakan _____ yang praktikal, menghadiri kelas tuisyen dan mengulang kaji pelajaran setiap hari merupakan _____ yang dilakukan oleh pelajar demi mencapai kejayaan. Namun, belajar secara _____ boleh dikatakan sebagai batu loncatan ke arah kejayaan kerana usaha ini boleh mendatangkan pelbagai _____ kepada pelajar-pelajar.

kejayaan	berkumpulan	jadual waktu	usaha-usaha	faedah
----------	-------------	--------------	-------------	--------

Belajar secara kumpulan memberikan suasana belajar yang _____.

Seseorang pelajar akan dapat belajar atau membuat ulang kaji dengan perasaan yang ceria tanpa _____ daripada guru-guru. Hal ini demikian kerana _____ merupakan orang yang paling dekat dengan pelajar selain ahli keluarga. Contohnya , seseorang yang _____ tidak berani bertanya kepada guru apabila dia menghadapi _____ dalam pelajaran. Sebaliknya dia akan bertanya dan mengeluarkan _____ di depan rakan-rakan. _____, belajar secara berkumpulan bukan sahaja dapat memberikan suasana belajar yang menyeronokkan kepada pelajar malahan turut boleh _____ dalam pelajaran dengan acuan sendiri.

tekanan	rakan-rakan	menyeronokkan	masalah
memajukan diri	buah fikirannya	pemalu	Justeru

Selain itu, para pelajar dapat berkongsi _____ sesama mereka melalui kaedah belajar secara berkumpulan. Mereka berpeluang untuk bertukar- tukar _____ dan pandangan tentang kaedah menjawab soalan, bertukar nota pelajaran dan lain-lain. Mereka boleh berkongsi ilmu tentang sesuatu mata pelajaran dan bekerjasama _____ tugas yang diberikan oleh guru. Melalui perbincangan secara berkumpulan, pelajar-pelajar dapat _____ kemahiran dan seterusnya mencapai _____ yang cemerlang dalam peperiksaan yang diduduki kelak.

pendapat	keputusan	menyiapkan	ilmu	mengukuhkan
----------	-----------	------------	------	-------------

Bak kata pepatah , _____ membawa berkat, belajar secara berkumpulan dapat memupuk semangat kerjasama dalam diri pelajar di samping dapat menerapkan _____ toleransi. Para pelajar dapat menyiapkan sesuatu tugas dengan _____ dan berkesan melalui semangat kerjasama yang diamalkan. Contohnya , seseorang pelajar dapat menghasilkan karangan yang lebih baik dengan adanya maklumat dan _____ yang lebih relevan daripada rakan rakan. Kesimpulannya, belajar secara berkumpulan bukan saja dapat memupuk semangat, malah dapat _____ hubungan sesama mereka dan meningkatkan prestasi mereka dalam akademik.

idea	muafakat	mengeratkan	nilai	cepat
------	----------	-------------	-------	-------

Kesimpulannya , belajar secara berkumpulan merupakan langkah yang _____ bagi pelajar yang ingin mencapai kecemerlangan. Sebagai bakal pemimpin negara, mereka seharusnya _____ diri dengan pelbagai kemahiran dan memanfaatkan kaedah _____ secara bijak serta bermakna seterusnya memberikan _____ kepada negara pada suatu masa nanti.

baik	belajar	sumbangan	melengkapkan
------	---------	-----------	--------------